



**SIARAN MEDIA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENAFIAN TENTANG DOKUMEN TULAR MENGENAI PERINTAH
LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON PINTAR BAGI INDIVIDU DI
BAWAH UMUR 16 TAHUN**

Jabatan Perdana Menteri (JPM) ingin menegaskan bahawa dokumen bertajuk **Perintah Larangan Penggunaan Telefon Pintar Bagi Individu Di Bawah Umur 16 Tahun** yang sedang tular di aplikasi WhatsApp adalah **PALSU**.

Untuk makluman bersama, Jabatan ini tidak pernah mengeluarkan sebarang kenyataan berkaitan perkara ini. Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa beretika dan bertanggungjawab serta memastikan kesahihan maklumat sebelum dikongsikan kepada pengguna lain untuk mengelak sebarang kekeliruan. Penyebaran berita atau maklumat palsu merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1988.

#TAMAT#

**JABATAN PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**

27 Oktober 2025



Untuk maklumat lanjut berkaitan kenyataan media ini sila hubungi Unit Komunikasi Korporat, Jabatan Perdana Menteri di talian 03- 8872 3437 / 03-8872 3502



**Jabatan Perdana Menteri
(JPM)**

Rujukan: JPM/BP/SMARTPHONE/2025(01)

Tarikh: 20 Oktober 2025

**PERINTAH LARANGAN PENGGUNAAN TELEFON PINTAR BAGI INDIVIDU
DI BAWAH UMUR 16 TAHUN**

Dengan kuasa yang diberikan di bawah Peraturan-peraturan Kerajaan Malaysia (Kawalan Penggunaan Peranti Mudah Alih) 2025, adalah dengan ini DIARAHKAN bahawa mulai 1 JANUARI 2026, semua individu berumur di bawah 16 tahun adalah DILARANG sama sekali daripada memiliki, menggunakan, atau mengakses telefon pintardi mana-mana kawasan dalam wilayah Malaysia.

Kerajaan Malaysia memandang serius terhadap peningkatan kadar ketagihan digital dalam kalangan remaja bawah umur.

Kajian menunjukkan penggunaan telefon pintar yang berlebihan membawa kesan negatif terhadap perkembangan mental, emosi, akademik, dan sosial golongan mud. Sehubungan itu, keputusan telah dibuat oleh Mesyuarat Kabinet Menteri pada 15 Oktober 2025 untuk melaksanakan larangan ini secara bertahap di bawah penyeliaan Jabatan Perdana Menteri.

2. SKOP DAN PELAKSANAAN

- a) Larangan ini terpakai kepada semua individu berumur di bawah 16 tahun, tanpa pengecualian.
- b) Larangan ini meliputi penggunaan telefon pintar, tablet, dan sebarang peranti pintar yang mempunyai akses ke internet, media sosial, permainan digital, atau akses internet.
- c) Kawasan pelaksanaan termasuk semua institusi pendidikan, tempat awam, pengangkutan awam, premis kerajaan, dan kawasan rekreasi awam.

- a) Ibu bapa atau penjaga hendaklah memastikan anak-anak di bawah tanggungan mereka mematuhi perintah ini.
- b) Institusi pendidikan, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan dan pemantauan berterusan.
- c) Kementerian Komunikasi dan Digital bersama Kementerian Pendidikan Malaysia akan bekerjasama menyediakan kempen kesedaran serta alternatif aktiviti sihat untuk golongan remaja.

Mana-mana individu atau penjaga yang gagal mematuhi perintah ini boleh dikenakan tindakan seperti berikut:

- Amaran bertulis rasmi;
- Denda tidak melebihi RM5,000; atau
- Hukuman kerja khidmat masyarakat mengikut budi bicara mahkamah atau pihak berkuasa tempatan.


(Tandatangan Ketua Jabatan)

Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 8, Kompleks Setia Perdana,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62502 Putrajaya,
Malaysia.

